

17. Maklumat yang berikut berkaitan dengan etika perakaunan.

Akauntan perlu mengekalkan standard yang tinggi semasa menjalankan tugas.

Apakah etika tersebut?

- A Kompetensi
 - B Kerahsiaan
 - C Integriti
 - D Objektiviti
18. Apakah tujuan Malaysian Accounting Standard Board (MASB) ditubuhkan?
- A Menentukan amalan sistem perakaunan sesebuah perniagaan
 - B Merancang pelaksanaan sistem rekod perakaunan perniagaan
 - C Menetapkan piawaian laporan kewangan bagi firma perniagaan
 - D Merangka aktiviti badan-badan korporat dalam bidang perniagaan
19. Badan perakaunan manakah yang melaksanakan tugas sebagai penasihat awam kepada para akauntan?
- A MIA
 - B ACCA
 - C CIMA
 - D MASB
20. Apakah tujuan penubuhan Institut Akauntan Malaysia (MIA)?
- A Menggubal piawaian perakaunan
 - B Mengawal selia profesion perakaunan
 - C Merancang pelaksanaan sistem rekod perakaunan perniagaan
 - D Merangka aktiviti badan-badan korporat dalam bidang perniagaan
21. Apakah badan yang bertindak untuk memajukan profesion perakaunan di Malaysia dengan memberi latihan dan peperiksaan?
- A Malaysian Association of Chartered Accountants (MACA)
 - B Institut Akaun Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)
 - C Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)
 - D Institut Akauntan Malaysia (MIA)

1.2 Sejarah Perakaunan dan Perkembangannya

22. Apakah sejarah perakaunan yang berlaku pada abad ke-14?
- A Wujudnya perakaunan kos
 - B Permulaan sistem catatan bergu

- C Penemuan rekod awal perakaunan
- D Penubuhan Jawatankuasa Piawaian Perakaunan Antarabangsa

23. Apakah yang menyebabkan perakaunan kos diperkenalkan?
- A Wujudnya kemajuan teknologi
 - B Wujudnya pengeluaran secara besar-besaran
 - C Perubahan dalam sistem merekodkan urusan niaga
 - D Perkembangan pesat dalam organisasi perniagaan
24. Apakah kebaikan sistem perakaunan berkomputer?
- I Menjimatkan masa
 - II Memudahkan kerja merekod
 - III Memendekkan kitaran perakaunan
 - IV Mengelakkan maklumat urusan niaga terdedah kepada pihak luar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
25. Apakah kaedah merekodkan urusan niaga yang diperkenalkan oleh Luca Pacioli?
- A Kaedah Pacioli
 - B Kaedah Venice
 - C Kaedah simpan kira
 - D Kaedah perakaunan

1.3 Penyata Kewangan

26. Manakah yang berikut merupakan Penyata Kewangan perniagaan?
- I Buku Tunai
 - II Buku Catatan Pertama
 - III Penyata Kedudukan Kewangan
 - IV Akaun Perdagangan dan Untung Rugi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
27. Pernyataan berikut berkaitan dengan ciri kualitatif penyata kewangan.

Penyata kewangan ini bebas daripada sebarang kesilapan fakta dan tidak bersifat berat sebelah.

Apakah ciri kualitatif tersebut?

- A Kerelevanan
- B Kebolehsahan
- C Kebolehfahaman
- D Kebolehbandingan


28. Antara yang berikut, ciri manakah yang dikelaskan sebagai ciri kualitatif asas?

- I Pemasaan
- II Kerelevanan
- III Perwakilan benar
- IV Kebolehbandingan
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

29. Antara yang berikut, ciri manakah yang dikelaskan sebagai ciri kualitatif tertingkat?

- I Pemasaan
- II Kerelevanan
- III Perwakilan benar
- IV Kebolehbandingan
- A I dan II C II dan III
- B I dan IV D III dan IV

30. Rajah yang berikut menunjukkan ciri kualitatif penyata kewangan.



Apakah Y?

- A Pemasaan
- B Kebolehsahan
- C Kebolehfahaman
- D Perwakilan benar

31. Apakah ciri penyata kewangan yang menjelaskan bahawa ianya berupaya mempengaruhi keputusan yang dibuat oleh pengguna penyata kewangan?

- A Pemasaan
- B Kerelevanan
- C Kebolehfahaman
- D Kebolehbandingan

32. Siapakah yang menjadi pengguna luaran penyata kewangan?

- A Kerani
- B Pembekal
- C Pengurus jualan
- D Pemilik perniagaan

33. Antara yang berikut, manakah yang merupakan pengguna dalaman penyata kewangan?

- I Pelabur III Pelanggan
- II Pekerja IV Pihak pengurusan
- A I dan II C II dan IV
- B I dan III D III dan IV


34. Apakah kegunaan penyata kewangan kepada bakal pelabur?

- A Untuk mentaksir cukai
- B Untuk mempertimbangkan kelulusan pinjaman
- C Untuk mengetahui keupayaan perniagaan meneruskan operasi
- D Untuk menilai kemampuan perniagaan menjana keuntungan yang banyak

35. Apakah kepentingan penyata kewangan kepada pihak pengurusan?

- A Membuat keputusan pelaburan
- B Mentaksir cukai pendapatan perniagaan
- C Merancang dan membuat keputusan perniagaan
- D Menilai kemampuan perniagaan mendapat pinjaman bank

36. Rajah di bawah berkaitan dengan pengguna penyata kewangan.




Siapakah X?

- A Pihak pembiaya
- B Firma pengauditan
- C Ahli Lembaga pengarah
- D Lembaga Hasil Dalam Negeri

1.1 Andaian, Prinsip, dan Batasan dalam Perakaunan

37. Rajah di bawah berkaitan dengan satu andaian perakaunan.



Apakah andaian tersebut?

- A Prinsip kos
- B Kos manfaat
- C Entiti berasingan
- D Tempoh perakaunan